

Hukuman rasuah perlu lebih berat

Bagi mengelak gejala rasuah di negara ini terus berleluasa

KUALA LUMPUR

Di sebalik pelbagai usaha dilaksanakan oleh kerajaan dan pihak berkepentingan bagi menangani isu rasuah di negara ini, masalah itu terus berleluasa, dan paling membimbangkan apabila didapati gejala makan suap ini mempunyai generasi 'pelapis' dalam kalangan belia. Hal ini dapat dilihat daripada statistik Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi tempoh 2007 hingga Ogos 2022 yang menyaksikan 57.8 peratus daripada 5,652 orang yang ditangkap kerana rasuah adalah penjawat

awam berusia bawah 40-an.

Mengulas mengenainya, pensyarah di Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Amini Amir Abdullah berkata, sudah tiba masa kerajaan menilai semula dan menambah baik Akta Pencegahan Rasuah 1997 (Akta 575), khususnya dari segi hukuman.

"Akta 575 memperuntukkan mereka yang disabitkan kesalahan boleh dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada 14 hari dan tidak lebih daripada 20 tahun. Oleh itu saya cadangkan agar kerajaan pinda hukuman penjara minimum itu kepada tidak kurang daripada dua tahun," katanya kepada *Bernama*, baru-baru ini.

Ulas beliau, hukuman penjara minimum perlu 'diberatkan' kerana pemerhatiannya men-



HALIZA

dapati ada beberapa kes sebelum ini yang membabitkan nilai rasuah jutaan ringgit namun hukuman yang dikenakan hanya penjara tidak sampai sebulan.

Sementara itu, Ketua Laboratori Belia Dalam Kepimpinan, Politik dan Kewarganegaraan Institut Pengajian Sosial, UPM Prof Madya Dr Haliza Abdul Rahman berkata, hukuman lebih keras diperlukan dalam menangani



AMINI AMIR

rasuah bagi mencerminkan impak buruk perbuatan itu.

Katanya, pelaksanaan hukuman terhadap pesalah rasuah tidak boleh dibuat seperti menjatuhkan hukuman kepada individu yang disabitkan kesalahan mencuri di pasar raya.

Ini kerana, jelas beliau, pelaku rasuah membabitkan pelbagai latar belakang termasuk golongan berkedudukan tinggi dalam masyarakat dan institusi.



MOHD AZIZUDDIN

"Hukuman berat perlu dijatuhkan kepada pesalah rasuah supaya mereka serik," katanya.

Pensyarah di Pusat Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia, Prof Dr Mohd Azizuddin Mohd Sani pula berpandangan ada keperluan sikap 'busy body' kembali diamalkan oleh masyarakat.

"Ada pekerja tidak berani melaporkan rasuah kerana takut dibuang kerja dan dipulaukan rakan sekerja sedangkan mereka perlu tahu kegagalan melaporkan kegiatan rasuah boleh disabitkan kesalahan di bawah Seksyen 25 Akta SPRM 2009.

"Jadi, lebih baiklah melaporkannya kerana mereka akan dilindungi di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 selain bakal menerima ganjaran sebagai mengiktiraf usaha membongkar kegiatan jenayah rasuah tersebut," katanya. - *Bernama*